



BULETIN

20
26



JABATAN
PERKHIDMATAN
KOMPUTER NEGERI

JANUARI - MAC



2026

AMANAT PENGARAH & PELUNCURAN

Sambutan Jubli Emas

SEMPENA 50 TAHUN PENUBUHAN

JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

7 JANUARI 2026

DEWAN SERBAGUNA JPKN MENARA KINABALU



Amanat Tahun Baharu 2026 dan Pelancaran Sambutan Jubli Emas (50 Tahun)

JPKN:
telah menandakan fasa baharu dalam memperkukuh hala tuju Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri selaras dengan keperluan perkhidmatan awam digital. Amanat tersebut menekankan komitmen JPKN terhadap peningkatan kualiti perkhidmatan, pemerkasaan pendigitalan dan inovasi, pembangunan modal insan berintegriti serta pengukuhan kerjasama strategik.

Turut ditekankan ialah peranan aktif JPKN dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) melalui pendekatan Whole-of-Government serta pelancaran Visi Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam Negeri Sabah 2026–2030, iaitu Peneraju Kerajaan Digital Sabah yang Inovatif, Mampan dan Selamat, sebagai asas memperkukuh penyampaian perkhidmatan kerajaan negeri yang cekap, selamat dan berdaya saing.





Dalam amanat tersebut, turut ditekankan aspek profesionalisme dan pembangunan organisasi dalaman sebagai asas kepercayaan pelanggan terhadap kewibawaan JPKN.

Warga jabatan digesa untuk memperkukuh budaya kerja harmoni, meningkatkan kompetensi serta melaksanakan tanggungjawab dengan penuh integriti dan ketelitian. Selain itu, penekanan turut diberikan kepada pembangunan kerjaya, pengukuhan struktur perjawatan, penglibatan aktif dalam projek pembangunan negeri serta penjagaan kesejahteraan dan kesihatan warga kerja bagi memastikan kesinambungan prestasi organisasi yang mampan.





Amanat ini juga menekankan kepentingan penglibatan aktif pegawai JPKN dalam perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan negeri di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13). Semua pegawai berkaitan digalakkan mengemukakan cadangan projek sebagai usaha meningkatkan kematangan, kompetensi dan sumbangan jabatan terhadap pembangunan negeri. Penglibatan JPKN dalam projek-projek pendigitalan antara agensi turut mengukuhkan konsep Whole-of-Government melalui perkongsian data dan integrasi sistem bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam.





Sebagai penutup, warga JPKN diseru untuk melangkah ke tahun 2026 dengan azam baharu, semangat kebersamaan dan komitmen tinggi terhadap kecemerlangan perkhidmatan awam negeri Sabah. Sambutan Jubli Emas JPKN diharap menjadi pemangkin kepada pembinaan organisasi yang lebih matang, profesional dan berintegriti, selaras dengan aspirasi pendigitalan kerajaan negeri serta keperluan masa hadapan yang semakin mencabar.





BULETIN JANUARI - MAC JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI 2026



PEMAKLUMAN

PID dengan Juruteknik di Jabatan berikut akan di kenali sebagai Unit Sokongan ICT. Berkuatkuasa bermula **1 Januari 2026.**



Jabatan Pertanian Negeri Sabah



Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah



Jabatan Pembangunan Sumber Manusia



Jabatan Pembangunan Perindustrian & Penyelidikan



Pejabat Perhubungan Negeri Sabah Kuala Lumpur

UNIT SOKONGAN ICT



JPKN.SABAH.GOV.MY



Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri



JPKN_sabah



HEBAHAN GARIS PANDUAN PENGGUNAAN LOGO 50 TAHUN JUBLI EMAS JPKN



Berkuatkuasa sepanjang tempoh sambutan 50 tahun JPKN.

<https://bkk-jpkn.my.canva.site/50tahunlogo>



jpkn.sabah.gov.my



JPKN_sabah



Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri

TAKLIMAT PROJEK PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR KOMUNIKASI PREMIS-PREMIS KERAJAAN NEGERI



Taklimat ini bertujuan Menaik taraf pengukuhan infrastruktur komunikasi premis-premis kerajaan dalam menyokong perkhidmatan digital kerajaan yang stabil, selamat dan berskala





BULETIN JANUARI - MAC 2026

JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI



Sebahing Penghargaan & Terima Kasih

SITI RUSNI MOHD HANAFIAH

PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT
GRED F10

atas sumbangan dan khidmat bakti sepanjang

26 TAHUN

bersama JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI
Terima kasih atas sumbangan, selamat maju jaya di tempat baharu.

Ikhlas daripada
JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI



KRONOLOGI PERKHIDMATAN

SUMBER RUJUKAN : BPSM



2026

26

Sebahing Penghargaan & Terima Kasih
SITI RUSNI MOHD HANAFIAH
TAHUN PERKHIDMATAN

Terima kasih atas sumbangan, selamat maju jaya di tempat baharu.

Ikhlas daripada
JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI



PROGRAM ONBOARDING KAKITANGAN BAHARU



4/2/2026 Program ini bertujuan memastikan kakitangan baharu dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja, memahami fungsi jabatan serta menghayati budaya dan nilai organisasi sejak hari pertama perkhidmatan.






PROGRAM ONBOARDING KAKITANGAN BAHARU

Program ini bukan sahaja memberi pendedahan awal mengenai dasar dan polisi jabatan, malah membantu membina keyakinan diri, meningkatkan motivasi serta mempercepatkan proses penyesuaian di tempat kerja. Pelaksanaan program yang sistematik dapat mengurangkan kekeliruan, meningkatkan produktiviti dan mewujudkan suasana kerja yang lebih harmoni.





FAIL PDF BERNIAT JAHAT

Dilampirkan Dalam E-mel Penipuan Perbankan

Remcos RAT (Remote Access Trojan)

Remcos RAT (*Remote Access Trojan*) ialah sejenis perisian hasad (*malware*) yang membolehkan penyerang mengawal komputer mangsa dari jauh, mencuri maklumat sensitif, dan mengintip aktiviti pengguna.

(Gambar Rajah Aliran)

1. Mangsa akan menerima e-mel palsu.
2. Memperdaya mangsa untuk mempercayai dan membuka perisian jahat yang menyamar dalam fail PDF, yang dikepikan bersama e-mel palsu.
3. Perisian jahat tersebut dilancarkan dalam komputer mangsa.
4. Komputer tersebut akan dihubungkan dengan pelayan C&C dalam kawal selia penggadam.
5. Penggadam kini boleh mengawal komputer terbabit.

HEBAHAN ICT SIRI 1/2026

PERKARA YANG PERLU DILAKUKAN

- ✓ **PERIKSA ALAMAT E-MEL PENGHANTAR**
Sahkan ideniti pengirim sebelum membalas, mengklik atau membuka sebarang lampiran. Sentiasa berwaspada dengan e-mel sedemikian dan jangan sekali-kali membalas sebarang e-mel yang mencurigakan.
- ✓ **ELAK DARI MEMBUKA LAMPIRAN E-MEL YANG TIDAK DI PERCAYAI**
Jangan buka, muat turun atau menyimpan sebarang fail dokumen yang diterima melalui e-mel yang tidak dijangka atau mesej yang mencurigakan melalui internet. Sahkan kandungan fail yang tidak diketahui sebelum membukanya bagi mengurangkan peningkatan risiko yang akan timbul.
- ✓ **KEMASKINI APLIKASI**
Pastikan komputer dan aplikasi PDF anda dikemas kini dengan versi yang terkini.
- ✓ **PENJELASAN DENGAN BANK**
Hubungi Bank Negara Malaysia (BNM) atau mana-mana bank berkaitan untuk mendapatkan penjelasan dan pengesahan e-mel perbankan yang mencurigakan atau yang tidak dijangka.

Sumber Rujukan: CyberSecurity Malaysia

jpkn.sabah.gov.my

 Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri

 JPKN_sabah

PERINGATAN PERMOHONAN GCR

GANTIAN CUTI REHAT

PERINGATAN

Tempoh permohonan Gantian Cuti Rehat (GCR) adalah bermula **01 Januari 2026** hingga **15 Februari 2026** sahaja

<https://apps.sabah.gov.my/eleave/>

MOHON SEKARANG

HEBAHAN SUMBER MANUSIA SIRI 1/2026

PANDUAN PERMOHONAN GCR


GANTIAN CUTI REHAT

- 01 **PERMOHONAN GCR**
Pemohon perlu mengemukakan permohonan gantian cuti rehat melalui pautan <https://apps.sabah.gov.my/eleave/>
- 02 **SOKONGAN PELULUS CUTI**
Permohonan akan disokong oleh pelulus cuti masing-masing.
- 03 **KELULUSAN KETUA JABATAN**
Ketua Jabatan/Pengarah akan meluluskan permohonan gantian cuti rehat.

jpkn.sabah.gov.my

 Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri

 JPKN_sabah



HEBAHAN INTEGRITI
SIRI 1/2026

MERAHSIAKAN MAKLUMAT PEROLEHAN

Sumber Rujukan:
PK 1.6 Integriti Dalam Perolehan Kerajaan, Para 2.2 (iii)(b)
PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH



- 1 Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk menjelaskan keperluan merahsiakan maklumat dan kedudukan suatu perolehan kepada pegawai yang berkenaan di bawah arahan pentadbirannya.
- 2 Rujukan hendaklah dibuat kepada peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].
- 3 Mana-mana pegawai awam yang didapati membocorkan rahsia berkenaan sesuatu perolehan adalah dianggap telah melanggar peruntukan di bawah Akta tersebut dan tindakan yang sewajarnya hendaklah diambil terhadap pegawai awam yang terlibat.



jpkn.sabah.gov.my Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri JPKN_sabah



HEBAHAN ICT
SIRI 2/2026

KEPENTINGAN eKYC DALAM ERA DIGITAL



Electronic Know Your Customer (eKYC)

PERKUKUH KESELAMATAN DIGITAL

 CEGAH JENAYAH SIBER	 KURANGKAN PENIPUAN ONLINE
 TANGANI BULI SIBER	 LINDUNGI KANAK-KANAK

MANFAAT PELAKSANAAN eKYC

 PERLINDUNGAN KANAK-KANAK	 EKO SISTEM SELAMAT	 AKAUNTABILITI PENGGUNA
------------------------------	------------------------	----------------------------

MASALAH TANPA KAWALAN IDENTITI

 AKAUN PALSU	 SERANGAN SIBER	 MASALAH KESIHATAN MENTAL
-----------------	--------------------	------------------------------

Sumber Rujukan: BERNAMA



jpkn.sabah.gov.my Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri JPKN_sabah





BULETIN JANUARI - MAC 2026

JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI



BERPINDAH



Sebahung Penghargaan & Terima Kasih

NORAIN BINTI RAMLI

PEMBANTU KHIDMAT AM
GRED H1

atas sumbangan dan khidmat bakti sepanjang

18
TAHUN
6 BULAN 7 HARI


bersama JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI
Terima kasih atas sumbangan, selamat maju jaya ditempat baharu.

Ikhlas daripada
JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI



KRONOLOGI PERKHIDMATAN

SUMBER RUJUKAN : BPSM



18 *Sebahung Penghargaan & Terima Kasih*
TAHUN NORAIN BINTI RAMLI
6 BULAN 7 HARI PERKHIDMATAN

Terima kasih atas sumbangan, selamat maju jaya di tempat baharu.
Ikhlas daripada
JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI





HEBAHAN INTEGRITI SIRI 2/2026

i PEMATUHAN WAKTU BEKERJA PENJAWAT AWAM

- ✓ Semua pegawai hendaklah **MEMATUHI** waktu-waktu bekerja dan hadir di pejabat dalam masa yang ditetapkan.
- ✓ Seseorang pegawai yang hendak meninggalkan pejabatnya di waktu bekerja hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada pegawai yang menjaganya sebelum berbuat demikian.

Dalam menjauhi perkara-perkara yang boleh menjejaskan integriti, semua pegawai adalah diingatkan supaya **TIDAK**;



GAJI PENUH Tapi **KERJA** Tidak Penuh

Sumber Rujukan: Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, Bahagian VIII, Perkara 328.

jpkn.sabah.gov.my   Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri  JPKN_sabah



HEBAHAN SUMBER MANUSIA SIRI 2/2026

CUTI ATAS SEBAB PERUBATAN

Jumlah cuti maksimum yang boleh diberikan setahun adalah seperti yang berikut:

Pegawai Perubatan	Jenis Rawatan	Bilangan	Pelulus
Kerajaan	Pesakit Luar	45 Hari	Ketua Jabatan
Kerajaan	Pesakit Dalam dan Luar	90 Hari	Ketua Jabatan
Kerajaan	Pesakit Dalam dan Luar	Melebihi 90 Hari	Setiausaha Kerajaan Negeri
Swasta	Pesakit Luar	90 Hari	Ketua Jabatan
Swasta	Pesakit Dalam	Melebihi 90 Hari	Ketua Jabatan

CUTI SAKIT

1. Cuti sakit merupakan cuti yang diberikan apabila seseorang pegawai disahkan tidak sihat oleh seorang Pegawai Perubatan.
2. Pengesahan dibuat dengan mengeluarkan sijil sakit kepada pegawai itu oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.



Sumber Rujukan: Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, Bahagian IV, Perkara 160 hingga 166

jpkn.sabah.gov.my   Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri  JPKN_sabah





BULETIN JANUARI - MAC 2026

JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI



BERSARA PILIHAN



Sebahing Penghargaan & Terima Kasih

SYRA G MOKUNJIL

KETUA CAWANGAN JPKN WILAYAH SANDAKAN
GRED F9

atas sumbangan dan khidmat bakti sepanjang

31
TAHUN
1 BULAN 25 HARI

bersama JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI
Terima kasih atas sumbangan, selamat maju jaya.

Ikhlas daripada
JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI



KRONOLOGI PERKHIDMATAN

SUMBER RUJUKAN : BPSM




2026

31
TAHUN
6 BULAN 25 HARI
Sebahing Penghargaan & Terima Kasih
SYRA G MOKUNJIL
PERKHIDMATAN



Terima kasih atas sumbangan, selamat maju jaya.
Ikhlas daripada
JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI





BULETIN JANUARI - MAC 2026

JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI



Selamat Menyambut Ramadan Al Mubarak

1 RAMADAN 1447H | 19 FEBRUARI 2026

Selamat Meenjalankan Ibadah Puasa

“Sesiapa yang berpuasa Ramadan dengan penuh keimanan dan keikhlasan nescaya akan diampuninya segala dosanya yang telah lalu”. – Hadis Riwayat al-Imam Nasai'e, Ibn Majah, Ibn Habban dan al-Baihaqi.

ikhlas daripada

Ybhg. Puan Ernywati Dewi Binti Abas
Pengarah Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri

jpkn.sabah.gov.my Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri JPKN_sabah



HEBAHAN ICT SIRI 3/2026

APLIKASI MALWARE DAH INSTALL? PERLU BUAT APA?

- 1 Uninstall aplikasi yang telah dimuat turun atau disyaki aplikasi malware.
- 2 Restart peranti anda semula. Jika aplikasi gagal dibuang, format semula peranti anda.
- 3 Set semula kata laluan perbankan internet, e-wallet dan media sosial anda sebagai langkah keselamatan.
- 4 Segera hubungi pihak bank untuk melaporkan transaksi yang tidak dibuat oleh anda.
- 5 Jika wang anda telah dipindahkan, laporkan kepada pihak polis.

Sumber Rujukan: CyberCrimeAlertRMP

jpkn.sabah.gov.my Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri JPKN_sabah





SELAMAT HARI WANITA

8 MAC 2026

Antarabangsa

Memartabat Wanita Memperkukuh Negara HARI WANITA ANTARABANGSA 2026

ikhlas daripada

Ybhg. Puan Ernywati Dewi Binti Abas
Pengarah Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri

jpkn.sabah.gov.my Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri JPKN_sabah





Program Lawatan Kebajikan KESITER Sempena Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Penubuhan JPKN

6/3/2026 Kelab Sukan dan Rekreasi Komputer (KESITER), Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri (JPKN) telah mengadakan Program Lawatan Kebajikan ke Comfort Aged Care Center dan Rumah Amal Kasih sebagai sebahagian daripada inisiatif kebajikan sempena Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Penubuhan JPKN.



Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Penubuhan JPKN. Program ini turut disertai dengan penyerahan sumbangan hasil kutipan daripada warga JPKN yang berjaya dikumpulkan sebanyak **RM3,702.**



Program Lawatan Kebajikan KESITER Sempena Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Penubuhan JPKN



Sumbangan ini diharap dapat sedikit sebanyak membantu serta menceriakan penghuni di kedua-dua pusat kebajikan tersebut. Pihak KESITER juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Comfort Aged Care Center dan Rumah Amal Kasih kerana telah mengalu-alukan kedatangan kami dengan penuh kemesraan dan layanan yang begitu baik sepanjang lawatan ini.



Scan sini untuk pautan VIDEO program



Selain itu, penghargaan turut diberikan kepada semua warga JPKN yang telah menyumbang dengan penuh keikhlasan dalam menjayakan inisiatif kebajikan ini. Semoga usaha kecil ini membawa kegembiraan kepada mereka yang memerlukan serta memupuk semangat prihatin, kasih sayang dan kebersamaan dalam kalangan kita semua.

PROGRAM JALINAN KASIH IHYA RAMADAN

14/3/2026 Program ini dianjurkan bagi mengimarahkan bulan Ramadan serta mengeratkan ukhuwah dalam kalangan warga persatuan. Turut diadakan penyampaian sumbangan kepada pelajar tahfiz sebagai tanda keprihatinan dan perkongsian rezeki.



Program ini juga merupakan sebahagian daripada Sambutan 50 Tahun JPKN, melambangkan perjalanan dan komitmen berterusan jabatan dalam memperkukuh nilai kebersamaan, integriti dan perkhidmatan kepada masyarakat.

Scan sini untuk pautan VIDEO program





BULETIN JANUARI - MAC 2026

JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI



SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI

Mohon Maaf Zahir dan Batin

ikhlas daripada (Ernywati Dewi Binti Abas)
Pengarah Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
serta seluruh warga JPKN

1 Syawal 1447 | 21 Mac 2026

jpn.sabah.gov.my   Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri  JPKN_sabah





Dirgahayu

Tuan Yang Terutama
Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Musa bin Haji Aman
S.M.N, P.S.M, S.P.D.K, S.P.M.B, D.G.S.M, D.A, P.G.D.K, J.M.N, J.P.

Sempena Sambutan Ulang Tahun Kelahiran Rasmi Yang Ke-75
Pada 30 Mac 2026 (Isnin)

Ikhlas Daripada:
Ybhg. Puan Ernywati Dewi Binti Abas
Pengarah Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri

jpn.sabah.gov.my   Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri  JPKN_sabah





Sekalung Tahniah

Yang Berbahagia Datuk Hassan Mahali
Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Sains, Teknologi dan Inovasi

Atas Pengurniaan
PANGLIMA GEMILANG DARJAH KINABALU
(PGDK)

Pada 30 Mac 2026 (Isnin)
Yang Membawa Gelaran
DATUK

Sambutan Ulang Tahun Kelahiran Rasmi Ke-75
Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sabah

Jhllas Daripada:
Warga Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri

jpkn.sabah.gov.my   Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri  JPKN_sabah 



Setinggi-tinggi Tahniah

Jovina Joachim
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat

Atas Penganugerahan
BINTANG KINABALU (B.K)
Pada 30 Mac 2026 (Isnin)
bersempena dengan

Sambutan Ulang Tahun Kelahiran Rasmi Ke-75
Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sabah

Jhllas Daripada:
Warga Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri

jpkn.sabah.gov.my   Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri  JPKN_sabah 



Setinggi-tinggi Tahniah

Julita Mujim
Juruteknik

Atas Penganugerahan
BINTANG KINABALU (B.K)
Pada 30 Mac 2026 (Isnin)
bersempena dengan

Sambutan Ulang Tahun Kelahiran Rasmi Ke-75
Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sabah

Jhllas Daripada:
Warga Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri

jpkn.sabah.gov.my   Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri  JPKN_sabah 



BULETIN JANUARI - MAC 2026

JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI




KAJIAN MAKLUM BALAS PERKHIDMATAN JPKN

Imbas kod QR untuk maklum balas


jpkn.sabah.gov.my
 JPKN_sabah
 

 Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri



Portal ini menyediakan beberapa jenis perkhidmatan utama iaitu:-

- Bantuan Sistem
- Permohonan Perkhidmatan
- Aduan dan Cadangan

Pengurusan permohonan yang dinyatakan adalah dibawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri




Scan Me


jpkn.sabah.gov.my
 JPKN_sabah
 

 Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri



**JABATAN PERKHIDMATAN
KOMPUTER NEGERI**



WWW.JPKN.SABAH.GOV.MY

**Jabatan Perkhidmatan Komputer
Negeri, Tingkat 6 & 7, Blok A, Menara
Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas, 88400,
Kota Kinabalu, SABAH**

